HAKIM BESAR MALAYA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA

CHIEF JUDGE OF MALAYA
FEDERAL COURT
MALAYSIA
PUTRAJAYA

Ruj. Kami: (3) PKPMP.PHBM.600-2/3/1
Tarikh: 18 Mac 2026

YA Hakim / Pesuruhjaya Kehakiman
Mahkamah Tinggi
Seluruh Semenanjung Malaysia

Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Seluruh Semenanjung Malaysia

ARAHAN AMALAN HAKIM BESAR MALAYA
BILANGAN 2 TAHUN 2026
PENUBUHAN MAHKAMAH TINGGI KHAS RASUAH, MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Aturan 92, kaedah 3B Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U.(A)205/2012*], saya, setelah berunding dengan YAA Ketua Hakim Negara, mengeluarkan Arahan Amalan ini bagi memaklumkan mengenai penubuhan Mahkamah Tinggi Khas Rasuah, Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur serta perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

PEMAKAIAN

2. Arahan Amalan ini terpakai bagi kes-kes yang melibatkan rasuah yang didaftarkan di semua Mahkamah Tinggi di Malaya.

PENUBUHAN MAHKAMAH TINGGI KHAS RASUAH, MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR

3. Penubuhan Mahkamah Tinggi Khas Rasuah, Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur bertujuan untuk mewujudkan mahkamah khas di Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur bagi mendengar kes-kes yang melibatkan rasuah yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur.

4. Walau bagaimanapun, jika terdapat keperluan di masa hadapan, penubuhan Mahkamah Tinggi Khas Rasuah sebagai mahkamah khas untuk mendengar kes-kes yang melibatkan rasuah turut dicadangkan untuk diperluas ke Mahkamah Tinggi Malaya yang lain.

5. Penubuhan Mahkamah Tinggi Khas Rasuah ini adalah bertujuan untuk memantau dan memastikan penyelesaian kes-kes yang melibatkan rasuah dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

6. Melalui penubuhan Mahkamah Tinggi Khas Rasuah ini juga, perbicaraan kes-kes yang melibatkan rasuah dapat diberikan keutamaan sekaligus dapat memperkasakan sistem pentadbiran keadilan serta memperkukuh usaha Badan Kehakiman dalam menyokong agenda Kerajaan untuk membanteras rasuah secara menyeluruh.

PERBICARAAN KES YANG MELIBATKAN RASUAH

7. Pada masa ini, semua perbicaraan kes yang melibatkan rasuah yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur akan didengar di Mahkamah Tinggi Khas Rasuah, Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur.

8. Bagi kes yang melibatkan rasuah yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi Malaya yang lain pula, kes tersebut akan dibicarakan di Mahkamah Tinggi Malaya masing-masing di mana kes itu didaftarkan.

PENGELASAN KOD KHAS BAGI PENDAFTARAN KES YANG MELIBATKAN RASUAH

9. Semua pendaftaran kes yang melibatkan rasuah di Mahkamah Tinggi Khas Rasuah, Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur dan di semua Mahkamah Tinggi di Malaya yang lain hendaklah dibuat menggunakan kod yang ditetapkan seperti berikut:

NO. KOD	PERIHAL
45R	Perbicaraan Kes Rasuah
45R(A)	Perbicaraan Kes Rasuah (Pekhidmat Awam)

10. Semua pendaftaran kes rayuan rasuah di Mahkamah Tinggi Khas Rasuah, Mahkamah Tinggi Malaya, Kuala Lumpur dan di semua Mahkamah Tinggi di Malaya yang lain hendaklah dibuat menggunakan kod 42R dan kod 42R(A) yang sedia ada.

PERUNTUKAN KECUALIAN DAN PERALIHAN

11. Apa-apa kes yang melibatkan rasuah yang telah didaftarkan di mana-mana Mahkamah Tinggi di Malaya yang masih belum selesai pada permulaan kuat kuasa Arahan Amalan ini hendaklah diteruskan di Mahkamah Tinggi tersebut masing-masing.

TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

12. Arahan amalan ini berkuat kuasa pada **1 April 2026.**

DATUK SERI HASHIM BIN HAMZAH
Hakim Besar Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

SALINAN KEPADA:

YAA Ketua Hakim Negara
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
No.45, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100, Putrajaya

Semua YA Hakim Pengurus
Istana Kehakiman
Putrajaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rayuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Rendah Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Yang Dipertua
Badan Peguam Malaysia
Kuala Lumpur

Pengarah
Bahagian Dasar dan Perundangan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Ketua Bahagian
Bahagian Penyelidikan
Pejabat Ketua Hakim Negara
Putrajaya

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya